

11 APR 1996

Mahahtir-Sukan

SEMANGAT KESUKARELAWAN SEMAKIN LUNTUR, KATA PM

LANGKAWI, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bimbang dengan kelunturan semangat kesukarelawan untuk memajukan sukan negara yang kini semakin ketara.

Beliau berkata jika keadaan itu tidak diberi perhatian, beliau khuatir dalam sedikit masa lagi ia akan terhapus.

"Sekiranya ini berlaku, apa sahaja sumbangan yang perlu diberikan mesti dibayar dengan wang ringgit.

"Maka tentulah kita dapat bayangkan apa yang akan terjadi kepada aktiviti sukan apabila ia menjadi satu aktiviti komersil semata-mata," kata beliau semasa merasmikan Konvensyen Sukan Kebangsaan di sini hari ini.

Oleh yang demikian, Dr Mahathir berkata langkah yang drastik dan tegas haruslah diambil agar semangat itu dapat digerakkan semula dan dikekalkan supaya ia sentiasa segar dan menjadi tunjang dalam semangat kesukanan.

Menurut Perdana Menteri selain semangat kesukarelaan, nilai-nilai murni dalam mentadbirkan badan sukan juga sudah tidak lagi ketara di kalangan pemimpinya.

"Apa yang kerap berlaku ialah pergeseran di antara mereka dan akibatnya sukan kita tidak akan berkembang jika masih ada lagi golongan yang sentiasa mengambil kesempatan serta mementingkan diri sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata keadaan itu telah menimbulkan pelbagai masalah yang menunjukkan bahawa terdapat kelemahan pada sistem dan struktur pengurusan sesebuah badan sukan.

Katanya perubahan yang bukan sahaja terhad kepada para atlit malahan meliputi pegawai, jurulatih dan pemimpin sesebuah pertubuhan sukan perlu dilaksanakan.

"Kelemahan kita dalam melahirkan atlit yang berwibawa dan berjaya adalah kerana kepimpinan yang kurang berkesan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau percaya antara punca kelemahan itu ialah kurangnya kemampuan kepimpinan sukan di negara ini untuk merubah pendekatan dan gaya ke arah melahirkan atlit dan pengurusan yang berjaya.

Menurutnya kelemahan itu bukan kerana tempoh mereka menerajui organisasi masing-masing sangat terbatas tetapi kurangnya wawasan.

"Ramai daripada mereka telah memegang jawatan lebih daripada 10 tahun tetapi masih gagal membawa sebarang kejayaan kerana kurangnya wawasan terhadap organisasi pimpinannya sehingga tidak jelas perubahan dan kemajuan yang berlaku pada sukannya," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan ingin melihat sukan terus diuruskan oleh tenaga sukarela melalui persatuan dan kelab-kelab sukan.

"Kerajaan akan terus memainkan peranan terutamanya dalam membina infrastruktur serta melaksanakan program yang sesuai dan untuk itu, Akta Pembangunan Sukan sedang digubal supaya setiap pihak yang terbabit akan faham peranan masing-masing" katanya.

Konvensyen tiga hari itu dihadiri lebih 250 peserta dari seluruh negara yang mewakili persatuan sukan kebangsaan, agensi kerajaan, syarikat swasta, atlit serta bekas atlit dan individu yang dikenal pasti dapat menyumbang memajukan sukan tanah air. -- BERNAMA

ZAA NMO